

21/11/1997

Umno, BN mampu urus ekonomi

Kamal Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis - Umno dan Barisan Nasional (BN) masih kuat dan padu, mampu mengetuai dan menguruskan ekonomi negara serta sanggup bersuara kepada sesiapa saja termasuk Amerika dan Israel, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Malaysia bukan jajahan mana-mana kuasa besar dan dengan itu, tidak ada sebab kenapa negara ini harus tunduk kepada telunjuk Amerika.

Merujuk kepada usul yang dibentangkannya di Dewan Rakyat semalam bagi mengutuk tindakan 34 anggota Kongres Amerika yang memaksa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletak jawatan, Anwar berkata, sebagai negara merdeka, rakyat Malaysia perlu mempertahankan kepentingan mereka.

"Siapa yang kami pilih sebagai pemimpin adalah hak kami, bukannya bagi orang Amerika atau anggota Kongresnya untuk menetapkan siapa yang harus memimpin Malaysia," katanya ketika merasmikan Pesta Konvokesyen Universiti Islam Antarabangsa Ke-13, di sini, hari ini.

Dewan Rakyat malam tadi sebulat suara meluluskan usul percaya kepada Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri dan membantah tindakan Amerika Syarikat untuk menyiasat pelaburan Petronas di Iran.

Usul yang dibentangkan Anwar itu diluluskan selepas perbahasan lebih empat jam. Tiada bantahan dibuat ketika pengundian dijalankan.

Anwar menjelaskan, langkah membentangkan usul itu bukanlah tindak balas terhadap kenyataan anggota Kongres berkenaan tetapi untuk memberi mesej jelas kepada mereka dan masyarakat antarabangsa.

"Kami bukannya anti-Yahudi dan anti-Semitik kerana Islam tidak mengajar kami menjadi anti-Yahudi, tetapi memang benar, kami mengutuk kekerasan Israel terhadap orang Arab.

"Oleh itu, kami harus tetapkan garis pemisah antara Israel dan orang Yahudi yang tidak bersalah. Di mana saja di dunia ini, malahan seandainya ada penganut Yahudi di Malaysia, jika mereka warga negara, mereka tetap warga negara. Jika mereka datang sebagai pelancong, tidak ada diskriminasi terhadap mereka," katanya.

Menurut Timbalan Perdana Menteri, itulah pendirian Malaysia selama ini dan oleh itu, ia tidak harus dikelirukan.

Beliau juga berkata, mesyuarat khas bersama Perdana Menteri diadakan setiap hari bagi meneliti perkembangan semasa kedudukan ekonomi, mata wang, pasaran saham serta isu serantau.

Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) juga akan mengadakan mesyuarat esok, khusus bagi membincangkan isu yang sama dan langkah memastikan keupayaan negara bersaing dan mengukuhkan asas ekonomi.

"Negara kita dalam keadaan sedikit gawat akibat serangan spekulator dan manipulator mata wang yang bermula dari Thailand dan memberi tempias ke rantau ini. Oleh itu, hampir setiap pagi kita adakan mesyuarat khas yang turut membabitkan Perdana Menteri.

"Dalam mesyuarat jam 8 pagi hingga 9 pagi, biasanya kita cuba meneliti perkembangan semasa kedudukan ekonomi secara makro dan mata wang, pasaran saham dan perkembangan rantau ini termasuk serangan yang agak hebat di Korea sekarang yang mempunyai tempiasan kepada ekonomi Jepun," katanya.

(END)